UUM / 8849 / UM / 08.09.2005 / p: 16 (6).

Polis temui pemilik bas UUM terjunam

UUM 8/9/05 16:6

ALOR STAR 7 Sept. — Polis akan mengadakan perbincangan dengan Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd., kerana bas milik syarikat itu dikatakan kerap membawa pelajar melebihi had antara kampus ke kediaman pelajar di Bukit Kachi.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Asisten Supritendan Harison Othman berkata, ini bagi memastikan kemalangan yang berlaku Selasa lalu tidak berulang.

Katanya, polis mendapati jalan yang dilalui antara kampus ke kediaman pelajar adalah berbahaya dan pemandu bas tidak seharusnya memandu laju atau membawa penumpang berlebihan.

"Jika ada bukti pemandu itu bersalah, kita akan menyamannya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini sebagai mengulas mengenai kejadian bas milik anak syarikat Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terjunam ke dalam anak sungai ketika dalam perjalanan dari kampus universiti itu ke asrama di Bukit Kachi.